

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Prof Datuk Dr Teo Kok Seong
Felo Utama di Institut Kajian Etnik
(IKIA), UKM



Rujuk falsafah pendidikan tambahkan baik kurikulum

Dalam menyahut seruan masyarakat untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara, tindakan yang diambil kerajaan baharu untuk hanya meneliti kurikulum dan bukannya dasar, adalah langkah bestari.

Dengan ini, kurikulum yang juga mata pelajaran di sekolah dan kursus di universiti akan diselidik untuk tujuan penambahbaikan. Dasar, yakni ketetapan yang telah dibuat mengenai hala tuju bidang pendidikan di negara ini tidak akan diisik.

Untuk itu, satu jawatankuasa bakal ditubuhkan bagi memperbaiki kurikulum pada semua peringkat dalam sistem pendidikan negara dari segenap segi, agar bukan saja mutu pendidikan kita berdaya saing pada peringkat dunia dari segi tuntutan global.

Pada masa sama, ia juga mendukung jati diri negara bagi tagihan lokal agar identiti budaya kita sebagai negara dan bangsa berdaulat tetap terpelihara dengan utuhnya.

Ikut piawai dunia

Selain sifat global sebagai gabungan global dan lokal, iaitu kurikulum kita mempunyai ciri pendidikan mengikut piawai dunia, di samping tidak sesekali mengabaikan sifat 'primordial' kita yang selalu kita jolok sebagai acuan sendiri, terdapat beberapa perkara penting lain yang perlu diberi perhatian.

Antaranya termasuklah matlamat pembelajaran, sukatan pelajaran, kaedah penilaian, selain pedagogi.

Matlamat pembelajaran, yakni

sebilangan tujuan pendidikan sesuatu mata pelajaran, misalnya sejarah, perlu bukan saja jelas sifatnya dari sisi akademiknya, ia hendaklah juga jitu dari sudut kemasyarakatan, khususnya pembentukan negara bangsa yang bangea, syang dan setia kepada negara.

Sukatan pelajaran yang berupa senarai tajuk untuk mengajar sesuatu mata pelajaran perlu selengkap-lengkap untuk menentukan mutu yang patut ada pada pendidikan moral selbagai contoh, adalah selalu tinggi, selain mempunyai dampak pendidikan yang akan meninggalkan kesan yang melampaui zaman persekolahan.

Penilaian sebagai kaedah me-

ngukur kemajuan pelajar dalam sesuatu mata pelajaran, walaupun terdiri daripada pelbagai cara, perlu memberi tumpuan kepada jenis subjektif iaitu cara penyediaan yang memungkinkkan kewujudan lebih daripada satu jawapan betul.

Oleh itu, peperiksaan kita perlu mengandungi soalan yang mempunyai maklum balas yang luas dalam bentuk esei dan bukan lagi dalam bentuk jawapan betul salah dan aneka pilihan yang tersedia.

Peperiksaan yang juga cara pengajaran, hendaklah tepat pilihannya. Ia bukan sahaja akan mempengaruhi pembelajaran pelajar, tetapi akan juga memberi kesan, sama ada baik atau sebaliknya kepada proses ini.

Oleh itu, keperluan pelajar di samping pengetahuan mengenai latar belakang serta minatnya sebagai individu dan bukan secara kolektif, perlu terlebih dahulu diketahui guru agar proses pembelajaran dapat berjalan lancar.

Cadangan agar keanggotaan jawatankuasa ini terdiri daripada pakar dari luar kerajaan sebenarnya sudah pun diamalkan dalam usaha untuk menambah baik bidang pendidikan di negara ini.

Landasan betul

Hal ini dapat dilihat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk Sekolah (2013-2025) dan Pendidikan Tinggi (2015-2025).

Untuk sekolah, ini jelas tercatat pada anjakan kesembilan yang ingin meraih kejasaman secara meluas daripada ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.

Bagi pendidikan tinggi, lonjakan

ketujuh dengan jelasnya menekankan peri pentingnya jaringan dengan pihak swasta dalam bidang penyelidikan.

Oleh itu, disarankan agar kedua-dua dokumen pendidikan ini dirujuk sehemat-hematnya dalam usaha pembaharuan yang ingin dilakukan itu.

Wacana awam mengenai sistem pendidikan negara, adalah seolah-olah ia tiada hala tuju langsung. Sesungguhnya, ia sudah lama berada pada landasan betul.

Sudah tentu ia perlu diselenggara dari semasa ke semasa agar sentiasa berada dalam keadaan baik, lebih-lebih lagi selari dengan perkembangan global semasa, antaranya Kemahiran Abad 21.

Kemahiran Abad 21 menekankan kepentingan kemampuan berfikir pada aras lebih tinggi, manakala Revolusi Industri 4.0 amat mementingkan pengetahuan media serta maklumat, komunikasi dan teknologi.

Dalam usaha penambahbaikan kurikulum ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dijadikan rujukan utama.

Ini penting agar sesuatu pembaharuan pendidikan itu, baik dari segi sukatan pelajaran mahupun pedagogi, dilakukan mengikut filsafat bahawa perlu adanya gabungan seimbang lagi harmonis antara intelek, spiritual, emosi dan jasmani, yang didasari kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Ini penting untuk melahirkan rakyat Malaysia holistik yang bukan sahaja berilmu, cergas dan rasional, tetapi juga berakhlak mulia.



Penilaian sebagai kaedah mengukur kemajuan pelajar dalam sesuatu mata pelajaran, walaupun terdiri daripada pelbagai cara, perlu memberi tumpuan kepada jenis subjektif, iaitu cara penyediaan yang memungkinkkan kewujudan lebih daripada satu jawapan betul. Oleh itu, peperiksaan kita perlu mengandungi soalan yang mempunyai maklum balas yang luas dalam bentuk esei dan bukan lagi dalam bentuk jawapan betul salah dan aneka pilihan yang tersedia"



Pembaharuan pendidikan perlu ada gabungan seimbang antara intelek, spiritual, emosi dan jasmani yang didasari kepatuhan kepada Tuhan.

Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya
yushem@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP
Saidon Idris
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 11, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-226787 Faks: 03-20567081
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bhrencana@bh.com.my